

SULIT



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2018/2019

Jun 2019

JKE417/JKE517 – Ekonomi Perindustrian

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat yang bercetak (termasuk muka surat ini) sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 20 markah.

...2/-

SULIT

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja. (100 markah)

1. "Paradigma Struktur-Gelagat-Prestasi (S-C-P) sehala menganggap struktur pasaran akan menentukan kelakuan firma yang akan menentukan prestasi. Gelagat atau perlakuan pasaran merujuk kepada amalan, dasar atau perlakuan pihak firma dalam penentuan harga atau kuantiti jualan, kos pengiklanan dan sebagainya."

Bandingkan perkaitan struktur pasaran dan ciri-ciri perlakuan atau gelagat firma serta prestasi pasaran dalam konteks berikut:

- (a). pasaran persaingan sempurna.
- (b). pasaran monopoli.
- (c). pasaran oligopoli.

(20 markah)

2. Mengikut Teori Peminimuman Kos Pengangkutan Weber, penempatan sesuatu industri adalah berkait rapat dengan 'sumber bahan' dan juga 'pusat pengguna atau pasaran'. Huraikan teori ini beserta rajah yang bersesuaian.

(20 markah)

3. Bincangkan strategi pembangunan perindustrian yang sering digunakan oleh negara sedang membangun (NSM) seperti Malaysia dalam konteks perbandingan seperti berikut:

- (a). perindustrian atau pertanian.
- (b). industri kecil (industri desa atau IKS) atau industri berskala besar.
- (c). berintensifkan buruh atau berintensifkan modal.
- (d). penggantian import atau penggalakkan eksport.

(20 markah)

...3/-

- 3 -

4. Sesebuah perusahaan perkilangan memerlukan dua jenis sumber pembiayaan: jangka panjang untuk membeli tanah, bangunan dan aset tetap lain serta pembiayaan jangka pendek, misalnya membeli bahan mentah dan bayaran perkhidmatan buruh. Bincangkan **LIMA (5)** contoh sumber pembiayaan tersebut beserta kebaikan dan kelebihannya.
(20 markah)
5. Pilih **satu** industri pembuatan (contoh: industri automotif) dan bincangkan dengan mendalam menggunakan pendekatan Struktur-Gelagat-Prestasi (SCP).
(20 markah)
6. “Ekonomi Malaysia telah merentasi zamannya dan telah mengalami transformasi ekonomi yang hebat. Salah satu langkah dasar penting yang diambil oleh kerajaan untuk terus membangunkan sektor perindustrian di Malaysia ialah dasar ekonomi berdasarkan pengetahuan (*K-based economy*) untuk meningkatkan lagi nilai tambah (*value added*) serta daya pengeluaran faktor keseluruhan (*total factor productivity, TFP*).”
- (a). Huraikan sumbangan teknologi terhadap daya pengeluaran faktor keseluruhan (*TFP*) berbanding sumbangan buruh (*L*) dan modal (*K*).
(10 markah)
- (b). Bincangkan isu serta peranan pelaburan langsung asing (*FDI*) dalam pembangunan perindustrian Malaysia terutamanya berkaitan proses pindahan teknologi (*technology transfer*).
(10 markah)

- oooOooo -